



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA**
BERITA PERIKANAN HARI INI

21 Februari 2022
19 Rejab 1443H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• 10 tahun belum lulus mohon lesen nelayan
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">••
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• 10 tahun tunggu lesen nelayan
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Nelayan dikhawatir lemas selepas bot terbalik di Perairan Karang Tanjung Pelindung
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (Kuching)	<ul style="list-style-type: none">•
The Sun	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		29	21/2/2022

10 tahun belum lulus mohon lesen nelayan

Oleh OTHMAN YAHAYA
utusannews@mediamulia.com.my

YAN: Seramai 10 nelayan pantai berpengkalan di jeti Singkir Laut di sini kecewa apabila lesen nelayan yang dimohon sejak 10 tahun lalu belum diluluskan.

Keadaan tersebut menyebabkan mereka terpaksa keluar menangkap ikan tanpa lesen dan berhadapan dengan risiko ditahan dan dikenakan tindakan pihak berkuasa.

Seorang nelayan dari Kampung Singkir Genting, Mohd. Zukir Abdulah, 60, berkata, dia telah memohon lesen nelayan melalui Jabatan Perikanan sejak tahun 2011, namun, sehingga kini masih belum diketahui statusnya.

"Borang permohonan saya semuanya telah lengkap dan mengikut syarat yang dikehendaki, tetapi, masih mengambil masa yang lama untuk diluluskan.

"Kalau tidak ke laut kerana menan-

Um MHS 29
21/2/2022



SEBAHAGIAN daripada bot nelayan pantai yang berpengkalan di jeti Singkir Laut, Yan, Kedah. - UTUSAN/OTHMAN YAHAYA

tikan lesen, saya akan hilang mata pencarian untuk menanggung lima beranak kerana hanya pekerjaan ini yang mampu dilakukan di kampung ini," katanya semasa ditemui di sini hari ini.

Nelayan pukat udang dan ketam, Sadam Rusli, 30, berkata, sebelum ini, dia menumpang perahu rakannya untuk ke laut mencari rezeki.

"Berkat berjimat cermat, akhirnya 10 tahun lalu saya membeli bot sendiri dan memohon untuk mendapatkan lesen."

"Namun, sehingga kini, lesen yang dinanti gagal diperoleh menyebabkan saya menyerahkan nasib kepada Allah tiap kali turun ke laut kerana jika tidak berbuat demikian dapur di rumah sava tidak akan berasap," katanya yang mempunyai seorang anak.

Seorang lagi nelayan, Mohd. Zainuddin Zainol, 47, berkata, dia mendapat karenah birokrasi dipercayai punca lesen dipohon oleh nelayan di sini lewat diproses.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		16	21/2/2022

10 tahun tunggu lesen nelayan

KOSMO M/S 16

21/2/2022

YAN – Seramai 10 nelayan pantai berpangkalan di jeti Singkir Laut di sini hanya mampu berdoa agar dihindarkan daripada bahaya setiap kali turun ke laut kerana tidak mempunyai lesen sejak lebih 10 tahun lalu.

Ini berikutan permohonan mereka untuk mendapatkan lesen telah lama dibuat kepada pihak berkuasa, namun sehingga kini masih belum diperoleh.

Mohd. Zukir Abdulah, 60, berkata, sejak bergelar nelayan pada 2011, dia memohon lesen melalui Jabatan Perikanan tetapi sehingga kini masih belum diketahui statusnya.

“Borang permohonan sudah dilengkapkan dan memenuhi syarat yang ditetapkan, namun mengapa mengambil masa yang lama untuk diluluskan. Kalau tidak ke laut, bagaimana saya hendak menyara keluarga kerana hanya ini mata pencarian kami,” katanya ketika ditemui semalam.

Nelayan pukat udang dan ketam, Sadam Rusli, 30, memberitahu, sebelum ini, dia menumpang perahu rakannya untuk ke laut sebelum membeli bot sendiri.

“Saya memohon mendapatkan lesen, namun sehingga kini belum diperoleh menyebabkan saya menyerahkan nasib kepada Allah setiap kali ke laut. Jika tidak berbuat demikian dapur tak berasap,” katanya.

Sementara itu, Pengurus Persatuan Nelayan Kebangsaan, Abdul Hamid Bahari berkata, nelayan diminta supaya berurusan dengan ketua unit persatuan nelayan di kawasan masing-masing bagi memudahkan urusan.

“Jabatan Perikanan mempunyai kuota untuk meluluskan lesen setiap tahun. Mereka perlu membuat semakan bagi memastikan nelayan yang layak mendapat lesen dan mengelak ia disalah guna,” katanya.



MOHD. ZUKIR memeriksa pukat sambil dibantu isterinya, Norlia Awang Ahmad ketika ditemui di jeti Singkir Laut, Yan semalam.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		33 21/2/2022

Nelayan dikhuatiri lemas selepas bot terbalik di Perairan Karang Tanjung Pelindung

SH MIS 33 21/2/2022

KUANTAN - Seorang nelayan dikhuatiri lemas selepas bot dinaiki bersama rakannya terbalik akibat tersangkut pada tali bot pukat tunda di Perairan Karang Tanjung Pelindung di sini pada Sabtu.

Dalam kejadian kira-kira jam 6.20 petang itu, mangsa, Fadzely Mohamed, 40, dikhuatiri lemas manakala rakannya, Abdul Mutualib Abdul Rahman, 38, berjaya diselamatkan.

Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Wan Mohd Zahari Wan Busu berkata, berdasarkan maklumat awal, mangsa bersama rakan keluar memancing kira-kira jam 7 pagi dengan menaiki sebuah bot gentian kaca.

Menurutnya, ketika dalam perjalanan pulang kira-kira jam 6.20 petang hari yang sama, bot dinaiki mereka kehabisan minyak.

"Selepas selesai mengisi minyak dan mula untuk bergerak kembali, kipas enjin bot mereka terkena tali keroncong sebuah bot pukat tunda yang sedang menunduk pukat di kawasan perairan itu.

"Ekoran kejadian itu, bot dinaiki mereka terbalik menyebabkan kedua-duanya jatuh ke dalam laut dan tenggelam di bawah bot," katanya ketika dihubungi di sini pada Ahad.

Mengulas lanjut, Wan Mohd Zahari berkata, rakan mangsa berjaya me-



WAN MOHD ZAHARI

nyelamatkan diri dengan memanjat ke atas bot yang terbalik manakala mangsa ketika itu berpaut pada tali keroncong bot pukat tunda tersebut.

Beliau berkata, tindakan kru bot pukat tunda terbabit yang meneruskan kerja menunda menyebabkan tali yang dipegang mangsa tersentak manakala rakannya turut terjatuh semula ke dalam laut.

"Selepas berjaya naik semula ke atas bot yang terbalik, rakannya menyedari mangsa hilang disyaki tenggelam dibawa arus.

"Rakannya itu kemudian diselamatkan nelayan lain yang kebetulan melalui kawasan tersebut," ujarnya.

Tambah beliau, rakan mangsa dibantu rakannya yang lain mengejar bot pukat tunda tersebut untuk mengesai mangsa.

"Setelah bot pukat tunda tersebut berhenti, rakan mangsa cuba mencari rakannya, namun mangsa gagal ditemui.

"Rakan mangsa pulang ke pangkalan di Kampung Baru Beserah dan membuat laporan polis berhubung kejadian itu," kata dia.

Wan Mohd Zahari berkata, susulan maklumat tersebut, operasi mencari dan menyelamat digerakkan melibatkan pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) bersama beberapa agensi lain.